

MODUL PENDIDIKAN SIVIK DALAM SEJARAH



Tajuk: Pemimpin Berjasa Dunia Sejahtera

Nilai Teras: Kegembiraan

Masa: 1 jam

SK: 5.1 Kerajaan Alam Melayu

SP: K5.1.6 Menerangkan kepentingan kebijaksanaan pemimpin untuk kemajuan negara.

Objektif:

Pada akhir pengajaran dan pembelajaran, murid akan dapat:

1. Menyatakan ciri-ciri pemimpin yang berkualiti.
2. Menerangkan peranan pemimpin dalam mencapai wawasan negara dan global.
3. Mengenang jasa pemimpin negara.

Aktiviti Literasi Sivik : Set induksi

1. Guru menunjukkan beberapa keping gambar tokoh negara.
2. Guru akan bersoal jawab dengan murid tentang ciri-ciri serta peranan seseorang pemimpin.

Aktiviti Literasi Sivik : 1

1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan. (*Sumbang saran*)
2. Setiap kumpulan akan dibekalkan dengan sekeping gambar pemimpin negara dan sehelai kertas kosong.
3. Murid perlu memberikan idea berkaitan dengan ciri-ciri yang ada pada pemimpin tersebut.
4. Murid secara bergilir-gilir menulis jawapan pada kertas yang disediakan.

Aktiviti Literasi Sivik : 2

1. Guru membawa murid ke makmal komputer.
2. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
3. Setiap kumpulan diberikan masa 20 minit untuk mencari maklumat berkaitan dengan pemimpin negara yang mempunyai pencapaian atau telah memberikan kesan yang baik kepada dunia.
4. Kemudian, setiap kumpulan perlu membentangkan hasil dapatan di hadapan kelas secara bergilir-gilir.

Aktiviti Literasi Sivik : 3

1. Murid dibahagikan kepada beberapa kumpulan.
2. Setiap kumpulan perlu memilih tokoh pemimpin negara dan menghasilkan sebuah sajak berkaitan dengan pemimpin tersebut.
3. Murid akan mendeklamasikan sajak mereka di hadapan kelas secara bergilir-gilir.

Rumusan

Guru menekankan kepada murid tentang ciri-ciri pemimpin yang berkualiti, peranan seseorang pemimpin dalam mencapai wawasan negara dan global serta cara kita mengenang jasa pemimpin.

Refleksi: (*Diisi oleh guru sebaik-baik sahaja selesai pengajaran*)